

**KESAN AGIHAN ZAKAT DALAM MEMBASMI KEMISKINAN DAN  
KETIDAKSEIMBANGAN AGIHAN PENDAPATAN DI NEGERI SEMBILAN  
THE IMPACT OF ZAKAT DISTRIBUTION ON POVERTY ERADICATION AND  
DISTRIBUTION OF INCOME INEQUALITY IN NEGERI SEMBILAN.**

*PATMAWATI BINTI HAJI IBRAHIM DAN RAHISAM BIN RAMLI*

*ABSTRAK*

Tujuan utama kertas ini ialah untuk mengenal pasti kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan. Meskipun statistik kutipan zakat di Negeri Sembilan semakin meningkat pada setiap tahun dan program-program membasmi kemiskinan giat dijalankan tetapi fenomena kemiskinan masih terus wujud. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal umat Islam juga telah menyediakan pelbagai skim bantuan untuk memastikan asnaf fakir miskin sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya. Pembuktian empirikal dilakukan ke atas 230 orang responden asnaf fakir miskin yang menerima bantuan zakat dari MAINS. Dengan menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik analisis data yang merangkumi profil responden, kadar kemiskinan dan agihan pendapatan telah dilakukan. Bagi memahami kemiskinan, profil responden dianalisis untuk menjelaskan latar belakang golongan yang terjebak dalam kemiskinan. Selanjutnya indeks kemiskinan iaitu kadar kemiskinan, agihan pendapatan menggunakan keluk Lorenz dan nilai pekali Gini turut digunakan. Kajian membuktikan agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAINS berkesan menurunkan kadar kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin.

*Kata kunci:* Zakat, kemiskinan, agihan pendapatan

*ABSTRACT*

The aim of this study is to identify the impact of zakat distribution on poverty eradication on and reduction of the income distribution inequality among the poor asnaf in Negeri Sembilan. Although the collection statistical of the zakat in Negeri Sembilan is increasing every year and poverty eradication programs are in progress but the phenomenon of poverty still exists. Negeri Sembilan Islamic Religious Council (NSIRC) which is responsible to take care of Muslim affairs has also provided various assistance schemes to ensure that poor asnaf always receive appropriate redress. Empirical examination is conducted based on 230 respondents, which are poor asnaf that receive zakat assistance from NSIRC. By using interviews and questionnaires instruments, analysis when includes data of respondents' profile, level of poverty and income distribution are performed. For the purpose to understand the level of poverty, the profile of respondents is analyzed to explain the background of those who trapped in poverty. Furthermore, the poverty index, such as the level of poverty, income distributions using Lorenz curves and Gini coefficients are also used. The results of this study justify that the zakat distribution implemented by NSIRC is effective in decreasing the level of poverty and reducing the distribution of income inequality among the poor asnaf.

*Keywords:* Zakat, poverty, income distribution

**PENGENALAN**

Pembentukan masyarakat yang sejahtera bersesuaian dengan pendekatan inovasi yang menjadi agenda utama kerajaan untuk melakukan *total innovation* bagi membawa negara ke tahap lebih maju. Justeru

sehingga kini strategi mengutamakan kesejahteraan rakyat dengan penekanan pembasmian kemiskinan dan meningkatkan pendapatan masih menjadi keutamaan dalam Bajet 2010. Islam menganjurkan usaha membasmi kemiskinan menjadi tugas kepada seluruh individu, kerajaan mahupun swasta. Persoalannya sejauhmanakah zakat berkesan untuk mencapai matlamat tersebut.

Ibadat zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima telah menjadi kefardhuan kepada umat Islam (Ibn Hajar al-Asqalani, 1991; Nasim Shah Shirazi, 1996; Nik Mustapa Nik Hassan, 2001). Keberkesanan sistem agihan zakat turut berperanan meyakinkan bahawa institusi zakat adalah salah satu pendekatan Islam dalam menyusun dan membangun masyarakat (Ahmad Sarji, 2001).

Salah satu objektif zakat ialah untuk merapatkan perbezaan jurang ekonomi atau pendapatan dalam sesebuah masyarakat ke tahap yang paling minimum (Zulkefly Abd Karim et. al., 2004). Zakat juga menjadi sebahagian polisi fiskal negara, boleh menjana kuasa beli masyarakat dan meningkatkan produktiviti negara (Hailani Muji Tahir, 2004).

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) ditubuhkan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) tahun 2003 bertanggungjawab untuk menjaga dan mengawasi perkara-perkara yang ada hubungan dengan agama Islam bagi memelihara kesucian agama dan memberi perkhidmatan kepada seluruh rakyat Islam Negeri Sembilan. Institusi Baitul Mal pula dimaksudkan sebagai kumpulan wang ditubuhkan di bawah seksyen 81 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Unit ini bertanggungjawab mentadbir harta MAINS meliputi urusan zakat, wakaf dan sumber am. Di bawah unit baitul mal terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian zakat, bahagian khidmat pengurusan dan bahagian kewangan. Bagi urusan kutipan zakat MAINS telah menubuhkan anak syarikat (MAINS Zakat Sdn. Bhd.) yang dikendalikan oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS). Manakala urusan agihan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Zakat yang diketuai oleh seorang Pegawai Zakat.

Sehingga Disember 2008, MAINS telah berjaya mengagihkan sebanyak RM37,334,224.43 berbanding RM32,106,157.49 pada tahun 2007. Jumlah ini memperlihatkan peningkatan 16.28% atau RM5,228,066.94. Jika dilihat kepada trend perbelanjaan atau agihan zakat mengalami kenaikan yang agak memberangsangkan ekoran dasar MAINS untuk mengagihkan kutipan semaksimum yang mungkin agar para penerima bantuan asnaf terbelah (Buletin MAINS 2009).

Statistik kutipan zakat Negeri Sembilan menunjukkan peningkatan yang positif pada setiap tahun. Buktinya pada tahun 2008 hasil kutipan zakat ialah RM33.8 juta berbanding RM26.6 juta pada tahun 2007 meningkat sebanyak 27 peratus (Pusat Zakat Negeri Sembilan, 2008). Fakir miskin merupakan golongan terbesar yang menerima bantuan zakat berbanding kumpulan lain. Misalnya pada tahun 2008 sebanyak RM12.24 juta telah diagihkan berbanding pada tahun 2007 (pertambahan 13.23%).

Meskipun dari sudut teori agihan zakat berjaya mengeluarkan seseorang untuk membangunkan negara tetapi masih ramai yang memerlukan bantuan kebajikan. Masalah kemiskinan dilihat sebagai fenomena yang merujuk kepada kekurangan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Ismail Sirageldin (2000) menyatakan keadaan tersebut memerlukan satu polisi yang efektif menggabungkan keseluruhan insituti sosial yang bertanggungjawab dalam usaha membasmi kemiskinan. Yusof Al-Qaradawi (2000) menyatakan kemiskinan mendatangkan bahaya besar seperti membuatkan manusia hilang pertimbangan moral dan mencemari kemurnian hubungan antara anggota keluarga, mengancam keamanan, kesejahteraan dan kestabilan masyarakat, berbahaya terhadap kedaulatan, kebebasan dan kemerdekaan satu bangsa, bahaya terhadap kesihatan orang awam mendapatkan makanan yang berkhasiat, hidup dalam udara yang tercemar, kegundahan dan kemarahan.

## **KAJIAN LEPAS**

Berkenaan dengan tahap kejayaan usaha-usaha membasmi kemiskinan, menurut Muhammad Syukri Salleh et.al (2000) meskipun banyak kes membasmi kemiskinan dapat dikurangkan tetapi ianya tidak berjaya dihapuskan secara total. Malah kemiskinan terus wujud dan usaha-usaha mengatasinya pun terus menerus dilaksanakan. Beliau telah memberi dimensi baru kemiskinan dari sudut perspektif Islam, iaitu dengan meningkatkan aspek kerohanian atau jiwa seseorang maka akan memberi kesan terhadap usaha membasmi kemiskinan. Ismail Sirageldin (2000) menyatakan masalah kemiskinan merupakan satu fenomena yang begitu kompleks dan meliputi ke seluruh negara. Justeru ia sangat memerlukan strategi yang sangat efektif dalam meningkatkan pembangunan dan membasmi kemiskinan.

Dalam masalah pembangunan sesebuah negara yang sedang membangun, Hassan Haji Ali (2003) menyatakan kemiskinan dan agihan pendapatan merupakan kunci kepada kewujudan situasi tersebut.

Tambahan pula kepesatan kadar pertumbuhan ekonomi tidak banyak memberi faedah kepada golongan miskin. Ini akan mewujudkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan.

Berhubung dengan fenomena kemiskinan, Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003) menyatakan Islam tidak melihat isu tersebut sebagai sesuatu yang remeh malah menjadi objektif pengagihan zakat membantu pihak yang memerlukan dan memperkukuhkan jaminan sosial. Azizi Che Seman et.al (2004) menyatakan bahawa zakat sebagai salah satu bentuk agihan semula pendapatan yang diberi keutamaan dalam teori ekonomi Islam. Abdul Rahim Abdul Rahman (2007) turut berpandangan bahawa zakat berfungsi menjaga kebajikan dalam memberikan hak daripada golongan kaya kepada golongan miskin.

Kajian empirikal oleh Geoffrey A. Jehle (1994) membuktikan agihan zakat yang telah diberi kepada asnaf telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di Pakistan. Abdul Aziz Muhammad (1986) juga membuktikan bahawa agihan zakat berperanan untuk membasmi kemiskinan, instrumen agihan pendapatan dan kekayaan dalam Islam.

Selain itu kajian Patmawati Ibrahim (2008) di Selangor dan Fuadah Johari (2003) di Melaka menunjukkan zakat berkesan dalam mengurangkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan dan seterusnya berjaya mengatasi masalah kemiskinan. Indeks kemiskinan berdasarkan Keluk Lorenz, Koefesien Gini dan indeks Atkinson menunjukkan sumbangan positif agihan zakat di negeri-negeri tersebut.

Kajian Hairunnizam Wahid et. al. (2004) mendapati bahawa bantuan zakat memberi kesan signifikan dari sudut kualiti hidup. Hasil kajian mendapati kualiti hidup golongan miskin secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan di mana hanya 34% sahaja yang memberikan jawapan memuaskan. Namun begitu kajian ini mendapati golongan miskin dapat meningkatkan kualiti hidup melalui aspek pendidikan anak-anak hasil bantuan zakat. Daripada keputusan regresi logistik pula menunjukkan hubungan antara pembolehubah bantuan zakat dengan lima kualiti hidup. Kajian ini mendapati bantuan zakat memberi kesan yang signifikan terhadap kualiti pendidikan dan penyertaan sosial golongan miskin.

Faktor kemiskinan telah dikaji oleh Mohd Amim Othman (2004) di mana beliau menyenaraikan lima faktor utama yang menyebabkan seseorang individu tergolong di dalam golongan berpendapatan rendah dan miskin ialah peribadi individu, saiz ahli keluarga yang besar, persekitaran individu, dasar-dasar kerajaan yang mempengaruhi pendapatan dan kebajikan dan dasar politik bagi negara yang memegang *status quo* akan cuba mengekalkan kewujudan golongan ini. Mujaini Tarimin (1988) pula mendapati ada kemiskinan boleh berlaku akibat daripada aspek pengiraan zakat yang salah. Kajian membuktikan kadar kemiskinan juga adakala berpunca daripada aspek pengurusan kutipan zakat yang tidak bertepatan dengan objektif zakat sebagai mekanisma membasmi kemiskinan.

Permasalahan yang sedang berlaku seperti kekurangan pengkalan data kemiskinan, kelemahan program jangka masa panjang dan definisi yang menerangkan tentang kemiskinan masih dibincangkan oleh pengkaji. Bagi membantu usaha membasmi kemiskinan pendekatan yang lebih efektif dan bersesuaian perlu sentiasa dikemaskini dan berupaya mengekang kadar golongan miskin semakin bertambah dan tercicir daripada menerima bantuan dana zakat.

Sorotan kajian-kajian lepas mendapati masalah kemiskinan yang masih terus wujud sehingga ke hari ini memerlukan pendekatan agihan yang lebih efektif dan seiring dengan peningkatan kos sara hidup. Kajian lepas turut mengenalpasti aspek agihan bantuan masih mempunyai kelemahan untuk membuat pemantauan golongan miskin ini daripada terpinggir akibat arus pembangunan yang semakin pesat.

## METODOLOGI

Negeri Sembilan terbahagi kepada 7 daerah iaitu Jempol, Jelevu, Kuala Pilah, Seremban, Tampin, Port Dickson dan Rembau. Tiga daerah terpilih dalam kajian ini iaitu Seremban, Rembau dan Jelevu mengandungi isi rumah miskin berasaskan kepada Paras Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Negeri Sembilan (UPENNS). Bagi mendapatkan data golongan yang menerima bantuan zakat daripada pihak MAINS dikategorikan sebagai asnaf fakir miskin layak menjadi responden kajian ini bagi memenuhi objektif kajian.

Pemilihan lokasi kajian ini dibuat berdasarkan fakta daripada Sistem Agihan Zakat (Baitul Mal Negeri Sembilan 2008) bahawa terdapat populasi penerima agihan zakat yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Pemilihan 3 buah daerah ini mewakili penduduk bandar dan juga luar bandar. Meskipun berbeza dari segi qariah pengkaji tidak mengambil kira perbezaan itu kerana senarai nama dan kategori

miskin diukur dengan PGK yang telah ditentukan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Populasi ini juga mewakili asnaf fakir miskin yang diperolehi daripada data asnaf fakir miskin di Unit Agihan Zakat BaitulMal Negeri Sembilan.

Pengumpulan data adalah melalui cara temu bual perseorangan dengan menggunakan soal selidik berstruktur. Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah set borang soalselidik. Set soal selidik akan diajukan kepada asnaf fakir dan miskin yang telah menerima agihan zakat pada tahun 2008.

Responden dipilih secara rawak seramai 230 orang yang diambil mempunyai ciri-ciri kewakilan untuk mendapatkan maklumat yang hendak dikaji iaitu mereka yang tergolong di dalam miskin dan miskin tegar menurut PGK serta disenaraikan sebagai penerima bantuan zakat oleh Unit Agihan Zakat Baitul Mal Negeri Sembilan.

Analisis data kajian ini menggunakan indikator untuk mengukur kemiskinan iaitu (1) kadar kemiskinan  $H=q/N$ , (2) ketidakseimbangan agihan pendapatan menggunakan Pekali Gini dan Kelok Lorenz. Pada setiap ukuran tersebut pengkaji akan membuat perbandingan pada dua keadaan iaitu; (1) sebelum responden menerima agihan zakat dan (2) selepas responden menerima agihan zakat. Melalui kaedah tersebut maka kajian ini akan mendapatkan jawapan yang lebih tepat dengan pembuktian empirikal.

- a) Kadar kemiskinan  $H=q/N$

Di mana:

$H$ =kadar kemiskinan

$q$ =bilangan isi rumah miskin

$n$ =jumlah sampel

Selanjutnya perbandingan dibuat pada dua keadaan iaitu; (1) sebelum responden menerima agihan zakat dan (2) selepas responden menerima agihan zakat.

- b) Bagi menganalisis ketidakseimbangan agihan pendapatan pengkaji menggunakan Pekali Gini.

$$G = \frac{\sum_{t=1}^T P_t Q_{t+1} - \sum_{t=1}^T P_{t+1} Q_t}{\sum_{t=1}^T P_t Q_{t+1} - \sum_{t=1}^T P_{t+1} Q_t}$$

Di mana:

$G$ : Gini coefficient;

$P_t$  = peratus penduduk terkumpul dalam kumpulan ke  $t$ ;

$Q_t$  = peratus pendapatan dalam kumpulan ke  $t$ , di mana  $t= 1,2,\dots,T$ . Nilai

$G : 0 < g < 1$ .  $G=1$  menunjukkan agihan pendapatan sangat tidak seimbang,

$G=0$  menunjukkan agihan pendapatan sangat seimbang.

Selanjutnya perbandingan pada dua keadaan iaitu; (1) sebelum responden menerima agihan zakat dan (2) selepas responden menerima agihan zakat.

- c) Kelok Lorenz menghubungkan peratus penduduk terkumpul pada paksi melintang dan peratus pendapatan terkumpul pada paksi menegak. Kelok Lorenz yang menghampiri garisan pepenjuru menggambarkan agihan pendapatan yang lebih setara jika dibandingkan kelok Lorenz yang lebih jauh dari garisan pepenjuru. Ini bermakna semakin besar ruang antara kelok Lorenz dengan garis 45°, semakin besar ketaksetaraan agihan ekonomi.

## DAPATAN KAJIAN

### Profail Responden

### 1. Daerah dan jantina

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa bilangan penerima zakat paling ramai di daerah Seremban iaitu 40% berbanding daerah Rembau (37%) dan Jelebu (23%). Manakala bagi kategori jantina pula Seremban mencatatkan bilangan lebih ramai penerima zakat lelaki iaitu 7.8% berbanding Rembau (7%) dan Jelebu (5.2%). Bagi kategori perempuan juga daerah Seremban menunjukkan bilangan paling ramai (32.2%) diikuti Rembau (30%) dan Jelebu (17.8%). Asnaf fakir miskin di daerah Seremban merupakan golongan paling ramai yang menerima agihan zakat manakala kaum wanita pula mencatatkan peratus golongan terbesar penerima agihan zakat di Negeri Sembilan.

### 2. Status dan pekerjaan

Peratus responden yang tidak bekerja adalah tinggi iaitu 75.2% berbanding dengan 24.8% yang bekerja. Penyumbang kepada peratusan tersebut didapati daripada semua status sama ada bujang, berkahwin, ibu tunggal dan duda. Hasil temu bual dengan responden mendapati bahawa mereka tidak bekerja kerana dipengaruhi oleh taraf kesihatan seperti tidak sihat, uzur, mengalami kecacatan dan golongan OKU. Manakala bagi golongan berkahwin pula terdapat responden yang terdiri daripada AIR yang masih mempunyai suami atau ketua keluarga, mereka mengambil inisiatif sendiri untuk memohon bantuan dengan MAINS dan didaftarkan atas nama mereka. Antara faktor keadaan demikian mungkin akibat desakan hidup yang sangat memerlukan bantuan zakat untuk memenuhi keperluan asas hidup. Hasil tinjauan juga mendapati responden tiada mempunyai kerja sampingan selain daripada mengharapkan pendapatan dalam pekerjaan terbabit.

Suatu yang ketara dalam kajian ini mendapati bahawa peratus golongan ibu tunggal yang tidak bekerja agak tinggi iaitu 46.1% berbanding dengan golongan lain. Meskipun trend yang hampir sama ditunjukkan bagi golongan bujang dan berkahwin yang tidak bekerja iaitu 13.9% dan 12.2% ia berkait dengan faktor umur dan kesihatan responden yang menjadikan mereka hidup dalam kemiskinan. Kategori responden bekerja sebagai pekerja am lebih ramai iaitu 7.4% berbanding pekerjaan lain dan mereka juga kebanyakan terdiri dari ibu tunggal. Manakala bagi golongan bujang pula mempunyai trend yang hampir sama dengan semua jenis pekerjaan yang mereka perolehi iaitu 0.4% dan 0.9%. Meskipun peratusannya agak rendah tetapi ia turut mempengaruhi kadar kemiskinan di Negeri Sembilan dan jumlah bantuan kepada asnaf zakat.

### 3. Umur dan taraf kesihatan

Kajian mendapati bahawa taraf kesihatan responden yang sihat hanya 20% berbanding 80% di mana mereka mengalami sakit bukan kronik 23.9%, sakit kronik 39.1% dan kecacatan 17%. Jika dilihat dari sudut peringkat umur pula mereka yang telah lanjut iaitu 65 tahun ke atas adalah 39.1% lebih ramai berbanding umur 26 hingga 55 tahun (37.4%) dan antara 56 hingga 65 tahun (23.5%). Fenomena ini terjadi kerana peningkatan tempoh jangka hayat warga tua semakin baik dan selari dengan peningkatan jumlah penduduk di Negeri Sembilan. Pada waktu yang sama ia akan mempengaruhi dasar kebajikan dan pengagihan wang zakat terhadap warga tua bagi memastikan golongan ini tidak ketinggalan dalam agihan pendapatan dan kebajikan. Keadaan demikian turut mendedahkan diri mereka dalam kemiskinan kerana tidak mampu untuk mendapatkan pekerjaan yang menjamin pendapatan mereka kerana faktor kesihatan.

### 4. Pendapatan isi rumah

Jumlah pendapatan responden dikira melalui hasil upah atau pendapatan daripada pekerjaan. Kajian mendapati bahawa majoriti responden mempunyai pendapatan isi rumah di bawah kemiskinan tegar RM0-RM429 sebanyak 68.7%, RM430-720 (17.4%), RM721-RM1010 (7.8%) dan RM1011 ke atas (6.1%). Kajian juga mendapati terdapat seramai 12 responden atau 5.22% tidak mempunyai pendapatan langsung selain mengharapkan bantuan zakat. Namun begitu pendapatan minimum responden yang tiada pendapatan telah meningkat kepada RM100 selepas agihan zakat diberikan kepada mereka setiap bulan.

### 5. Taraf pendidikan

Secara keseluruhan, golongan penerima zakat adalah terdiri daripada mereka yang berpendidikan sekolah rendah atau agama iaitu 43%, diikuti mereka yang tidak bersekolah sama ada buta huruf atau tidak 34%, sekolah menengah rendah (SRP) 13%, sekolah menengah atas (SPM) 8.7%, Maktab/STPM/Diploma 0.9% dan lain-lain 0.4%. Responden yang ditemu bual bagi tahap buta huruf juga didapati sebanyak 28.3%. Implikasi data kajian ini juga memberi petunjuk terhadap hasil pendapatan responden yang tidak berupaya untuk meningkatkan jumlah pendapatan yang mencukupi dalam kehidupan mereka akibat latar belakang taraf pendidikan rendah.

#### 6. Jumlah bantuan tunai dan bukan tunai selain MAINS

Hasil kajian mendapati seramai 75 orang responden (32.6%) tidak mendapat sebarang bantuan selain daripada MAINS. Keadaan demikian kemungkinan disebabkan 3 faktor utama iaitu responden tidak mengetahui kewujudan tempat memohon bantuan, malu untuk memohon dan pernah memohon tetapi tidak mendapat jawapan. Antara institusi utama tempat mereka memohon bantuan ialah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri, Jawatan kuasa Keselamatan dan Kemajuan kampung (JKKK) dan Jawatankuasa masjid. Namun begitu, kajian ini mendapati seramai 155 orang responden (67.4%) mendapat bantuan daripada pihak-pihak selain MAINS. Peratus responden yang mendapat jumlah bantuan yang tertinggi pula antara RM101-RM200 iaitu 20%.

#### 7. Pendapatan isi rumah dan jumlah bantuan selain daripada MAINS

Hasil kajian mendapati majoriti kumpulan yang berpendapatan antara RM0 hingga RM429 adalah golongan terbesar (17.8%) yang tidak mendapat bantuan selain MAINS. Sedangkan kumpulan inilah yang tergolong dalam kelompok miskin tegar dan sangat memerlukan bantuan. Trend yang hampir sama ditunjukkan bagi kumpulan yang mendapat jumlah bantuan RM101 hingga RM200 adalah sebanyak 16.1%, RM201 hingga RM300 13%, RM301 ke atas 12.6% dan RM100 9.1%. Implikasi daripada penemuan ini adalah sudah pasti bagi golongan demikian mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan MAINS untuk mengeluarkan mereka daripada kancas kemiskinan. Oleh yang demikian golongan yang termasuk di dalam kelompok kemiskinan tegar harus diutamakan bagi menyalurkan bantuan dan seterusnya menjadikan agenda membasmi kemiskinan tegar dapat dicapai.

#### 8. Pandangan responden terhadap kesan agihan zakat.

Hasil temu bual responden mendapati bahawa seramai 76.5% menyatakan bahawa tiada lawatan atau siasatan ke rumah responden daripada pegawai Baitul Mal manakala 23.5% menyatakan ada membuat lawatan ke rumah mereka. Ini berikutan daripada responden yang membuat permohonan terus ke kaunter MAINS akan mengisi borang permohonan dan diproses untuk menentukan kelayakakan mereka.

Selain itu kajian ini mendapati bahawa sebanyak 73.9% responden menyatakan bahawa bantuan kewangan zakat tidak membantu kos sara hidup mereka berbanding dengan responden yang menyatakan bantuan zakat ini dapat membantu sebanyak 26.1%. Pandangan responden juga berkait dengan jumlah perbelanjaan mereka untuk menampung segala keperluan asas yang meliputi tempat tinggal, makan minum, kesihatan keperluan persekolahan anak. Oleh kerana bantuan zakat sebanyak RM100 diberi kepada responden tetapi masih tidak mencukupi meskipun mereka tiada tanggungan. Ini disebabkan mereka berharap sepenuhnya kepada bantuan untuk menyara kehidupan harian mereka.

Manakala bagi item penyampaian bantuan zakat kajian mendapati sebanyak 52.6% responden menyatakan bantuan zakat sampai pada setiap bulan yang ditetapkan berbanding responden yang menyatakan tidak sampai pada setiap bulan (47.4%). Responden menyatakan keadaan demikian kerana bantuan kewangan adakala sampai bagi setiap 2 atau 3 bulan sekali. Namun begitu, bantuan ini telah dikemaskini semula bermula pada Januari 2009 dengan memasukkan wang zakat pada setiap bulan kepada responden selepas sistem agihan dikaji semula untuk memastikan mereka mendapat zakat pada setiap bulan yang ditetapkan.

### **KADAR KEMISKINAN DI NEGERI SEMBILAN**

Formula mengira kadar kemiskinan ialah  $H=q/n$  di mana  $H$ =kadar kemiskinan,  $q$ =bilangan isi rumah miskin dan  $n$ =bilangan isi rumah.

Sebelum zakat : Kadar kemiskinan :  $181 / 230 = 0.786$  (78.7%)

Selepas zakat : kadar kemiskinan :  $167 / 230 = 0.726$  (72.6%)

Kadar kemiskinan sebelum agihan zakat adalah 78.70% namun begitu selepas agihan zakat kadarnya telah menurun kepada 72.61%. Kajian mendapati sebelum agihan zakat seramai 181 orang termasuk dalam kemiskinan. Perubahan berlaku selepas agihan zakat di mana bilangan kumpulan ini telah menyusut kepada 167 orang. Dari segi bilangan seramai 14 orang (6.08%) telah berjaya melepasi PGK selepas menerima agihan zakat. Kajian ini juga mendapati sebelum agihan zakat terdapat seramai 126 orang isi rumah miskin tegar tetapi telah berkurangan kepada 95 orang setelah menerima bantuan zakat.

## **ANALISA PEBANDINGAN PENDAPATAN SEBELUM DAN SELEPAS ZAKAT**

Kajian mendapati responden yang berada di dalam kumpulan pendapatan RM0-RM429 adalah merupakan kumpulan majoriti iaitu 54.8% berbanding dengan kumpulan pendapatan yang lain RM430-RM720 (23.9%), diikuti RM1011 ke atas (11.7%) dan RM721-RM1010 (9.6%). Namun begitu, kajian ini mendapati selepas agihan zakat kumpulan pendapatan RM0-RM429 meskipun masih mendahului berbanding kumpulan pendapatan lain tetapi telah menunjukkan penurunan kepada 41.3%. Prinsip dalam ekonomi menyatakan pendapatan meningkat menunjukkan taraf hidup semakin meningkat dan kajian ini menyokong teori tersebut.

Daripada trend penurunan ini telah meningkatkan peratusan 3 kumpulan pendapatan yang lain iaitu RM430-RM720 (31.3%), RM1011 ke atas (14.3%) diikuti kumpulan pendapatan terendah RM721-RM1010 (13%).

## **AGIHAN PENDAPATAN RESPONDEN SEBELUM DAN SELEPAS AGIHAN ZAKAT**

Untuk mengukur agihan pendapatan responden sebelum agihan zakat, pengkaji telah membahagikan mereka kepada sepuluh kumpulan. Jumlah ahli dalam setiap kumpulan adalah sama iaitu seramai 23 orang. Dalam kajian ini terdapat sepuluh kumpulan masing-masing mempunyai ahlinya seramai 23 orang. Setiap kumpulan dianggap sebagai satu unit dan pendapatan setiap responden dijumlahkan untuk mewakili pendapatan yang diterima dalam kumpulan berkenaan. Seterusnya jumlah pendapatan setiap kumpulan dibahagikan dengan jumlah pendapatan keseluruhan responden untuk mengetahui bahagian yang diterima oleh kumpulan masing-masing. Data tersebut diberikan dalam bentuk jadual seperti di bawah.

Agihan pendapatan antara responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas. Kumpulan pertama yang mengandungi 10 peratus responden yang menerima pendapatan terendah iaitu hanya 0.59% daripada keseluruhan pendapatan responden. Kumpulan seterusnya dari 10 peratus responden kedua hingga ke sepuluh masing-masing menerima pendapatan lebih sedikit daripada yang pertama iaitu 3.01, 4.45, 5.94, 6.92, 8.60, 10.63, 13.06, 17.92 dan 28.96 peratus menurut susunannya. Tren agihan pendapatan responden sebelum agihan zakat seperti jadual di atas menunjukkan saiznya masih tidak setara.

Bagi memperjelaskan mengenai saiz agihan pendapatan responden sebelum zakat maka pengkaji akan menganalisis dengan menggunakan kelok Lorenz. Kelok Lorenz digunakan untuk mengukur sejauh manakah jurang agihan pendapatan berlaku di kalangan isi rumah miskin. Kajian ini mendapati selepas responden menerima agihan zakat, Kelok Lorenz semakin mengecil dan menghampiri garisan seimbang berbanding kelok Lorenz sebelum agihan zakat. Dalam perpektif agihan zakat ia mencerminkan kesan yang positif kerana berjaya mengagihkan pendapatan terkumpul kepada keseluruhan isi rumah dan mengurangkan jurang agihan pendapatan. (Rujuk Rajah Kelok Lorenz)

Keadaan tersebut disumbangkan oleh faktor peningkatan pendapatan yang diperolehi oleh asnaf semakin bertambah baik hasil daripada pelbagai skim yang diagihkan untuk golongan terbabit. Majoriti responden menerima bantuan kewangan bulanan yang dikreditkan ke akaun mereka 2 atau 3 bulan sekali.

## **PEKALI GINI SEBELUM DAN SELEPAS ZAKAT**

Merujuk kepada pengiraan pekali Gini seperti yang ditunjukkan jadual di atas, kajian ini mendapati nilai pekali Gini selepas agihan zakat diberikan kepada responden ialah 0.3362. Nilai pekali Gini masih berada pada tahap tidak seimbang kerana berada melebihi daripada 0 tetapi kurang daripada 1. Bagi melihat dengan lebih jelas perbandingan nilai pekali Gini terhadap agihan pendapatan responden sebelum dan selepas zakat, sila rujuk jadual di bawah.

Merujuk kepada jadual di atas, nilai pekali Gini sebelum agihan zakat yang diterima oleh responden ialah 0.4075. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa nilainya telah mengalami penurunan kepada 0.3362 selepas menerima agihan zakat. Penurunan nilai ini menunjukkan bahawa agihan zakat memberi kesan ke atas tingkat ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan responden.

Berdasarkan perbincangan di atas, hasil kajian ini mendapati misi Baitul Mal MAINS untuk menjana pembangunan ekonomi ummah khususnya melibatkan agihan zakat kepada asnaf fakir miskin menghasilkan kesan yang positif. Dapatan kajian ini mendatangkan bukti-bukti empirikal bahawa agihan zakat telah mengurangkan kadar kemiskinan daripada 78.70% kepada 72.61%. Pada masa yang sama kemiskinan tegar berjaya dikurangkan 54.78% menyusut kepada 41.30%. Manakala corak agihan pendapatan pula didapati lebih seimbang berbanding sebelum agihan zakat. Ukuran dengan menggunakan kelok Lorenz dan nilai pekali Gini membuktikan kenyataan ini.

## KESIMPULAN

Keputusan kajian membuktikan bahawa agihan zakat yang dilakukan oleh MAINS berkesan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin. Ia juga menunjukkan perkembangan positif bagi agihan zakat terhadap masalah kemiskinan dan agihan pendapatan. Implikasinya agihan zakat perlu menumpukan golongan yang mudah terjebak ke dalam masalah kemiskinan. Tumpuan harus diberi pada peringkat pelaksanaan program-program bantuan agar menghasilkan kesannya yang lebih baik dari masa ke semasa. Meskipun pihak Baitul Mal sentiasa meningkatkan sistem agihan zakat kepada asnaf fakir miskin demi mencapai objektif membasmi kemiskinan namun adakalanya pelaksanaan program-program tersebut menghadapi kekangan yang sukar dielakkan dengan serta merta. Justeru dengan penambahbaikan terhadap penerima zakat di kalangan fakir miskin akan dapat meningkatkan lagi kesan agihan zakat ke tahap yang lebih baik.

## RUJUKAN

- A.H. Roslan. 2004. Measuring Poverty In Malaysia: Applications of Distributive-Sensitive Poverty Indices dalam *Malaysia Management Journal*, Penerbit Universiti Utara Malaysia. Vol. 8 (1) h. 27
- Abdul Aziz Muhammad. 1986. Zakat and Rural Development In Malaysia. An Ethical Analysis of The Concept Of Growth and Redistribution Of Income and Wealth in Islam and Their Practices In A Contemporary Muslim Society. (Tesis PhD Temple University).
- Abdul Rahim Abdul Rahman. 2007. Pre-Requisite for Effective Integration of Zakah Into Mainstream Islamic Financial System in Malaysia. *Journal Islamic Economic Studies*, vol 14, no 1 dan 2, h. 91-107
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (2001), prakata dalam Nik Mustapa Nik Hassan (penyunting) *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia h.iv
- Azizi Che Seman & Nor Aini Ali. 2004. Economic Thoughts of Redistribution of Income and Wealth. A Comparative Analysis” dalam *Jurnal Syariah* 12:2 Penerbit Universiti Malaya.h.42.
- Buletin MAINS Bil. 1 2009.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. h.84
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. h.83.
- Fuadah Johari. 2003. Keberkesanan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Melaka. (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya).
- Geoffrey A. Jehle. 1994. Zakat and Inequality: Some Evidence from Pakistan”, *The Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June
- Hailani Muji Tahir, 2004. *Kedudukan Allah, Nisab, Kadar dan Haul Dalam Menjana sumber Zakat Korporat*. Prosiding Seminar Halatuju Zakat Korporat di Alaf Baru. Selangor:Penerbit UKM, h. 3.




- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor 2004. Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Miskin. *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research*, No.1 Vol.1, FEM, KUIM, h.151-166
- Hasan Haji Ali. 2003. "Pertumbuhan, Agihan pendapatan dan Kemiskinan", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *Ekonomi pembangunan, Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.232
- Ibn Hajar al-Asqalani (1991), *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Fikr jil. 4, h. 81, Nasim Shah Shirazi (1996), "Targetting, Coverage and Contribution of Zakat To Households' Income: The Case of Pakistan, *Journal of Economic Cooperation Among Muslim Countries*, 17, h.165.
- Ismail Sirageldin. 2000. Elimination of Poverty: Challenges and Islamic Strategies. *Islamic Economic Studies*, Vol 8, No 1,
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h.43-46
- Mohd Amim Othman. 2004. Kedudukan Golongan Berpendapatan Rendah: Perspektif Islam dalam Mohd Amim & Nurizan Yahaya (eds.), *Golongan Berpendapatan Rendah Realiti dan Cabaran*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h.32
- Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad. 2000. Pengurusan Kemiskinan dalam Muhammad Syukri Salleh *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar*. Pulau Pinang. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. h.1.
- Mujaini Tarimin. 1988. Zakat pertanian, sistem dan pelaksanaannya di Malaysia, dengan khas Mukim Tanjung Karang, Selangor. (Disertasi Sarjana Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya)
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji 1989. *al-Fiqh al-Manhaji*: Damsyik, Dar al-'Ulum al-Insaniyah, h.11.
- Nik Mustapa Nik Hassan (2001), "Semangat Pengagihan Zakat Ke Arah Pembangunan Ekonomi" dalam Nik Mustapa Nik Hassan (penyunting) *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia h.32.
- Nor Aini Haji Idris & Ishak Yussof. 2009. Ekonomi Malaysia dalam Konteks Pembangunan Seimbang dalam Nor Aini Haji Idris (penyunting) *Ekonomi Malaysia ke Arah Pembangunan Seimbang*, Selangor, Penerbit UKM, h.32-33
- Patmawati Ibrahim 2008. Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Kajian Empirik dalam *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. Jil 16 (2).
- \_\_\_\_\_ 2005. Potential Role of Zakat Distribution in Reducing Income Inequality Among The Muslim Society dalam Abdullah Alwi Hj. Hassan et.al *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h.224.
- Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/RMKE10>
- Risalah MAINS (2008)
- Tengku Aizan Tengku Abd Hamid, Nurizan Yahya & Norisma Aiza Ismail. 2004. "Profil Warga Tua Berpendapatan Rendah" dalam Mohd Amim Othman & Nurizan Yahya (editor), *Golongan Berpendapatan Rendah Realiti dan Cabaran*, Selangor, Penerbit Universiti Putra Malaysia, h.165
- Unit Perancang Ekonomi Negeri. 2009. Maklumat Asas Program Kemiskinan Negeri Sembilan h.23
- Ustaz Zainal bin Said, Pegawai Zakat MAINS, Temu bual pada Febuari 2007
- Yusof Qaradawi 2000. Mushkilat al-Faqr wa Kayfa 'Alajaha al-Islam, (terj.)Arsil Ibrahim, *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya*, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPEIM) Kuala Lumpur. h.25-29
- Zulkefly A. Karim, Mohd Azlah Shah Zaidi & Hairunnizam Wahid. 2004. Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat: Pengalaman di Negeri Perak, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Dalam Hailani Muji Tahir (penyt) *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd. hlm 79-94

JADUAL 1: Pekali Gini terhadap agihan pendapatan responden sebelum dan selepas agihan zakat.


	Sebelum zakat	Selepas zakat
Pekali Gini	0.4075	0.3362

Sumber: Borang soal selidik

RAJAH 1: Keluk Lorenz menunjukkan ketidaksamaan agihan pendapatan sebelum dan selepas zakat.



RAJAH 2: Graf menunjukkan statistik kutipan zakat Negeri Sembilan bagi tahun 2004 hingga 2008



JADUAL 1: Jumlah Fakir Miskin Yang Menerima Zakat Tahun 2008

Daerah	Bilangan
SEREMBAN	901
JELEBU	525
REMPAU	841
TAMPIN	544
KUALA PILAH	1593
PORT DICKSON	333
JEMPOL	411
Jumlah Keseluruhan	5148

Sumber: Unit Agihan Zakat, MAINS